

UCAPAN OLEH: DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERHIMPUNAN AGUNG UMNO

TEMPAT: PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 05 SEP 1997

MASA:

MENEBUS MARUAH BANGSA DAN AGAMA

Tahun ini genap 40 tahun UMNO menerajui Kerajaan yang memerintah negara Malaysia yang merdeka. Parti kita berhak berbangga dengan pemegangan kuasa pemerintahan negara ini begitu lama. Sebenarnya kebanyakan parti politik yang berjuang untuk kemerdekaan dan berjaya mendirikan Kerajaan apabila merdeka tidak dapat mengekalkan kedudukan sebagai parti pemerintah walaupun untuk satu atau dua dekad, terutama jika sistem yang diamalkan ialah demokrasi. Rakyat mudah bosan dengan parti politik walaupun ia berjaya dan berjasa kepada rakyat dalam perjuangan kemerdekaan.

2. Parti politik yang memerintah negara yang baru mencapai kemerdekaan berbeza dengan parti yang memerintah negara yang tidak pernah dijajah. Pemerintahan negara yang baru dibebaskan bukan sahaja dikehendaki mentadbir tetapi juga mengisi kemerdekaan dan membangunkan negara supaya lebih maju daripada masa dijajah dahulu.

3. Untuk mentadbir dan menguatkuasakan undang-undang dan aturan-peraturan sahaja pun adalah tidak mudah bagi pemerintah yang baru mengambilalih. Pentadbir biasanya tidak berpengalaman, mungkin tidak cekap, tidak lurus, mudah disogok dan sebagainya. Jika tidak demokratik, jika feudal atau diperintah oleh satu parti atau seorang diktator, tekanan, kekejaman, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan mudah berlaku. Rakyat mungkin terpaksa menggulingkan diktator dan merosakkan segala-galanya dalam proses ini. Tetapi dalam negara yang demokratik, pemerintahan yang berkesan tidak dapat diwujudkan jika rebutan kuasa dan tindakan yang tidak bertanggungjawab oleh rakyat sering berlaku. Sebenarnya tidak ada sistem politik atau pemerintahan yang boleh menjamin kemajuan sesuatu negara. Banyak faktor lain diperlukan.

DEMOKRASI BERJAYA DIMANFAATKAN

4. Alhamdulillah kita di Malaysia tidak mempunyai pemerintahan kuku besi. Kita demokratik. Kita tahu demokrasi mempunyai kelemahan-kelemahan tertentu. Rakyat boleh disogok dengan wang atau pembangunan yang membazir; rakyat mungkin memilih pemimpin yang tidak waras, yang tamak, yang hanya ingin mendapat tempat, yang perasuah dan lain-lain lagi kerana

pengundi terpengaruh dengan dakwah tertentu termasuk menyalahgunakan sentimen ras atau keagamaan. Tidaklah benar majoriti daripada rakyat tetap bijak dan tahu memilih pemimpin. Kerana kesetiaan kepada orang tertentu atau kerana taksud dengan ideologi atau perasaan kedaerahan, majoriti mungkin membuat pilihan yang tidak bijak yang boleh merugikan negara.

5. Sesudah dipilih, pemimpin mungkin didapati tidak sesuai, tidak menunaikan janji, perasuah dan sebagainya. Malangnya dalam demokrasi, menurunkan mereka yang telah dilantik tidaklah mudah. Ada puak yang tetap menyokong kuat pemimpin-pemimpin tersebut kerana kepentingan diri, kerana disogok, kerana ingin mempertahankan ideologi parti dan bermacam-macam sebab lagi.

6. Yang jelas ialah untuk mendirikan Kerajaan dan mentadbir secara biasa sahaja pun tidak mudah. Apatah lagi untuk membangunkan negara. Bagi negara yang demokratik atau tidak demokratik yang mudah ialah membiarkan sahaja keadaan berterusan sementara pemimpin berlagak dengan taraf dan kuasanya. Hari ini giliran pemimpin ini, esok giliran pemimpin lain untuk menikmati jawatan.

7. Alhamdulillah, Malaysia berjaya juga menggunakan sistem demokrasi, memilih Kerajaan dan mempunyai pentadbiran yang berkesan. Tetapi hanya dengan ini sahaja tidak menjamin kita akan maju. Untuk mencapai kemajuan kita perlu ada ide-ide yang baik, pendekatan yang boleh menjayakan ide-ide berkenaan dan pengurus-pengurus yang berkebolehan. Majunya negara kita, terlaksananya rancangan-rancangan kita bermakna faktor-faktor ini ada pada kita.

PERLU KUAT UNTUK ELAK DIJAJAH SEMULA

8. Tetapi kita tidak boleh berpuas hati dengan kemajuan biasa. Di zaman ini kita perlu kekuatan untuk mengelak daripada dijajah cara baru. Kekuatan yang dimaksudkan bukanlah kekuatan ketenteraan, walaupun sedikit-sebanyak itu juga perlu. Kekuatan yang kita perlu ialah kekuatan yang datang daripada kestabilan politik, kesihatan ekonomi, keadilan sosial, kecekapan pentadbiran dan penguasaan ilmu dan teknologi yang canggih yang tidak kurang daripada yang dimiliki oleh negara-negara maju yang lain.

9. Soalnya apakah mampu kita mengejar kekuatan yang menyeluruh ini? Harus kita ingat bahawa mereka yang mengejar mestilah lebih pantas daripada mereka yang dikejar. Jika tidak tentulah kita tidak akan mendapat sasaran kita. Sasaran kita bergerak dan tidak akan menunggu kita. Mampukah kita, orang Melayu dan Bumiputera, bergerak dengan begitu pantas sehingga dapat mengejar objektif kita?

10. Memikir tentang besarnya cabaran yang kita hadapi boleh mengecewakan kita awal-awal lagi. Mereka yang kecewa kerap kali menolak keperluan mengejar sasaran dan menipu diri dengan dakwaan bahawa tidak benar sasaran itu lebih baik

daripada keadaan mereka. Ini adalah psikologi 'anggur masam' kerana mereka tidak dapat memetikinya.

11. Orang seperti ini cuba menidakkan keburukan keadaan mereka dengan berkata kekayaan, kekuatan, kecekapan dan ilmu yang ada pada orang lain itu tidak membawa apa-apa kebaikan. Mereka yang dikatakan maju sebenarnya tidak maju kerana kemajuan tidak boleh diukur dengan kejayaan kebendaan. Kejayaan kata mereka mempunyai makna lain. Sebenarnya mereka yang dikatakan mundur lebih berjaya walaupun ternampak tidak berjaya. Dan bermacam-macam lagi cara penipuan diri yang dicipta untuk menutup kekecewaan mereka.

12. Ada pula yang kecewa kerana kegagalan, lalu mengganas secara buta-tuli. Kanak-kanak apabila marah dan kecewa merosakkan apa yang ada pada mereka sebagai cara melepaskan geram mereka. Orang yang gagal dan tidak nampak bagaimana mereka dapat mengatasi kegagalan mereka juga melepaskan geram dengan cara yang sama. Mereka mengganas, membunuh, meletupkan bom dan menjatuhkan pesawat dengan penumpang yang tidak berdosa. Mereka melepaskan geram ke atas yang lemah, kerap kali ke atas kaum bangsa sendiri dan negara sendiri.

13. Dengan cara-cara yang negatif ini mereka hanya akan terus mundur, dihina dan ditindas. Tetapi mereka tidak tahu cara lain selain daripada cara yang negatif ini. Mereka tidak akan tukar taktik, tidak akan cuba mengejar kemajuan, tidak akan beralih kepada cara yang lebih rasional kerana awal-awal lagi mereka percaya mereka tidak berkebolehan, tidak akan berjaya atau tidak sanggup bersabar dengan masa yang panjang yang diperlukan untuk mengejar kejayaan. Mereka tidak percaya kepada diri sendiri. Dengan itu mereka akan teruskan cara negatif mereka dan kekal dengan kemunduran buat selamanya. Inilah yang kita lihat di beberapa negara, terutamanya di negara-negara Islam yang menghadapi masalah keganasan oleh puak ekstrimis agama.

14. Apakah kita juga termasuk dalam golongan ini, kita juga sudah kecewa, kita juga percaya bahawa kita tidak mungkin berjaya, kita juga menipu diri dan melepas geram? Ada antara kita yang berfikiran seperti ini, sama ada secara sedar atau tidak sedar. Dengan itu mereka mahu supaya kita jangan cuba untuk menjayakan diri kita. Mereka hendak kita dengan sombong mendakwa kita sudah pun lebih baik, lebih berjaya dan lebih besar daripada orang lain walau apapun bukti yang menidakkan dakwaan ini. Dalam hati kecil mereka, mereka tahu dakwaan mereka adalah tidak benar. Mereka tahu mereka bukan 'tuan' tetapi sebenarnya 'hamba'. Tetapi oleh kerana mereka tidak yakin mereka boleh jadi 'tuan', mereka tipu diri dengan membuat dakwaan berkali-kali bahawa mereka adalah 'tuan'.

15. Alhamdulillah, sekarang kian ramai yang percaya kita boleh. Dan memang pun kita boleh. Kita belum boleh dalam segala-gala yang kita cuba, tetapi insya-Allah, kita akan boleh. Kita akan boleh dengan percubaan yang berulang kali; kita akan boleh dengan kesanggupan bertekun, berusaha mempelajari, mencuba dan mencuba lagi sehinggalah kita boleh.

16. Apakah yang kurang pada kita? Daripada segi fizikal, daripada segi mental dan daripada segi semangat, kita tidak berbeza daripada bangsa-bangsa yang maju. Yang berbeza ialah budaya kita, sistem nilai hidup kita dan tamadun yang telah kita bina. Apakah kita akan hilang jatidiri atau identiti kita, identiti bangsa kita jika kita baiki nilai hidup kita sehingga dapat membentuk budaya dan tamadun yang baru untuk kita; budaya dan tamadun yang lebih sesuai untuk kemajuan, yang boleh menebus dan menegak maruah bangsa kita?

BUDAYA KITA BEZA DENGAN BUDAYA MAJU

17. Umpamanya, kita sanjungi kerajinan. Tetapi kita tahu kita kurang rajin. Jika kita buat sesuatu kita tidak bersungguh-sungguh sehingga betul-betul berjaya, sehingga hasil kerja kita bermutu amat tinggi. Kita mudah puas hati dengan hasil kerja kita. Kurang baik, kurang tahan, kurang kekal, kurang cantik dan kurang bersih sedikit, tidak mengapa. Dengan itu hasil kerja kita kurang baik, kurang tahan dan kurang serba-serbi, iaitu kurang berkualiti. Sebaliknya bangsa yang maju begitu bersungguh-sungguh, begitu kritikal terhadap hasil kerja mereka, begitu menitikberatkan kualiti serta ketahanan dan sebagainya.

18. Umpamanya, tidak banyak terdapat peninggalan nenek-moyang kita. Di negara-negara maju bangunan-bangunan lama masih kukuh tersergam indah walaupun dibina seribu tahun dahulu. Kota-kota mereka tegak dengan kukuh dan masih boleh diguna. Kecantikan asal masih ada.

19. Bangunan nenek-moyang kita sudah tidak ada. Mereka tidak mendirikan bangunan yang kekal. Mereka tidak mendirikan bangunan dengan bahan yang tahan lama atau yang kukuh. Asal dapat digunakan semasa itu, ianya mencukupi. Apa perlunya tahan lama? Kita tidak akan menggunakannya selepas kita meninggal. Memadailah jika untuk sementara sahaja -- satu hari, satu bulan, satu tahun, 10 tahun. Apa perlu seratus tahun?

20. Di Eropah, kita dapati kampung dan bandar dalam kota yang berusia lebih 1000 tahun masih berdiri tegak, masih diduduki orang dan masih digunakan untuk perniagaan dan pertahanan. Lebih daripada itu bandar-bandar ini mempunyai bentuk yang unik dan begitu menarik kepada para pelancong; dan menjadi punca pendapatan kepada keturunan bangsa negara itu sehingga sekarang.

21. Kita membuat perahu umpamanya secara kasar. Asalkan boleh diguna dan tidak tenggelam, sudah mencukupi. Walaupun untuk kegunaan raja atau pembesar atau negara, ianya tidak perlu lebih dari sementara. Ianya dibuat secara kasar, dengan papan dipaku tanpa mengira ukuran, ada yang lebar, ada yang tidak. Lantai diletak begitu sahaja, tidak berbumbung, tidak ada bilik, tidak dilengkapi dengan alatan yang cukup dan tidak dihias. Kualiti kerja tidak penting. Asalkan boleh diguna, memadailah. Sementara di Barat semakin lama semakin besar

perahu yang dibuat hingga menjadi kapal, hingga diperbuat daripada besi, dilengkapi dengan bilik yang dihias seperti istana; perahu kita tidak membesar, masih dibuat daripada kayu, tidak dilengkapi dengan alatan pelayaran dan tinggal begitu sahaja.

22. Kita guna dayung atau kita guna layar tanpa mengambil kira besar atau kecil bentuk atau `efficiency'nya. Kita tidak jadikan pelayaran sebagai satu ilmu yang dikaji, diselidiki dan dicatat untuk dipelajari dan digunakan oleh sesiapa sahaja yang ingin belayar. Kita tidak sediakan peta pelayaran secara terperinci. Kita agak-agak sahaja. Kita tanya kepada mereka yang mungkin tahu atau yang sudah biasa dan kita buat panduan secara kasar, kita gunakan sekali itu sahaja, kita tidak mencatatnya untuk memperingati kita kemudian atau untuk menjadi panduan kepada orang lain. Jika kita ingat, baik. Jika tidak, tidak mengapa. Sekali sesat, sekali bertanya.

23. Kata orang, jika seorang Jerman disuruh menulis berkenaan nyamuk, kita akan dapat beberapa jilid buku yang tebal yang mengandungi segala-gala berkenaan dengan serangga itu; daripada bentuknya, kasar dan halus, secara terperinci sehingga kepada tabiatnya, makanannya, cara ia membiak, tempat tinggalnya dan seribu satu perkara berkenaannya. Bagi kita mungkin dua-tiga ayat sudah memadai berkenaan serangga yang tidak berguna ini. Apa gunanya menghabiskan masa berkenaan dengan sejenis serangga yang hanya tahu ketip sahaja. Oleh kerana kita mempunyai pandangan sebeginilah maka kita tidak mengaitkan nyamuk dengan demam malaria yang membunuh ratusan ribu manusia. Sudah tentu jika kita tahu pun ketip nyamuk itu bahaya, kita akan menganggap semua nyamuk membawa penyakit malaria, dan tidak mengambil tahu bahawa hanya nyamuk jenis aedes, yang mempunyai bentuk tertentu dan tabiat tertentu yang membawa malaria. Dan kerana kita tidak tahu maka kita tidak dapat menyelamatkan diri kita daripada penyakit yang boleh membawa maut ini. Jika tidak kerana orang lain yang berlainan budaya mengkaji selidik, kita mungkin menerima penyakit malaria di negara kita sebagai sesuatu yang semulajadi atau lebih buruk lagi kita salahkan Tuhan. Bahawa Tuhan membekalkan kita dengan akal fikiran tetapi kita yang tidak menggunakannya, tidak sedikitpun timbul perasaan tersalah oleh kita.

24. Contoh-contoh ini menunjukkan betapa bezanya budaya kita dengan budaya bangsa yang maju. Mungkin kita fikir perbezaan budaya tidak penting. Tetapi sebenarnya perbezaan-perbezaan inilah yang menentukan siapa yang maju dan siapa yang tidak. Soalnya apakah dapat kita menerima dan mengamal budaya yang boleh memajukan kita? Apakah kita akan menjadi kurang Melayu atau kurang Iban atau Kadazan atau kurang bangsa Malaysia kerana kita menerima aspek-aspek tertentu dalam budaya asing? Saya tidak fikir kita akan menjadi kurang Melayu, atau kurang Iban atau kurang Kadazan atau kurang bangsa Malaysia semata-mata kerana kita lebih berminat untuk mendalami sesuatu, kita lebih berilmu, kita lebih tertib dan tersusun daripada segi cara dan pendekatan serta lebih mengambil berat akan jumlah pengetahuan yang kita kumpul yang mungkin dapat diguna bukan

sahaja oleh kita tetapi juga orang lain dan generasi lain. Kita tidak jadi orang Eropah kerana kita memakai kot dan tali leher, kita bercakap bahasa Inggeris dan kita mengamalkan demokrasi dan bukan feudalisma.

25. Bandingkan penyelidikan terbuka dalam budaya Barat dengan sifat bomoh dan dukun kita. Jika bomoh dan dukun kita menjumpai atau mencipta ubat yang mustajab, mereka akan menyembunyi ramuan ubat ini daripada orang lain. Mereka tidak akan menulis dalam jurnal berkenaannya. Mereka tidak akan membuat kajian secara tulus ikhlas iaitu tanpa dipengaruhi oleh kepentingan diri. Sama ada mustajab atau tidak, dakwaan tentang berkesannya ubat mereka diteruskan dan resipinya disembunyi. Apabila mereka meninggal dunia hilanglah resipi berkenaan, hilanglah ubat yang mustajab ini, teraniayalah pesakit yang sakit selepas si bomoh atau dukun itu sudah tidak ada lagi.

26. Hari ini ilmu perubatan berkembang dengan pesat, kerana bangsa-bangsa yang maju tidak menyembunyi ilmu mereka. Kita pun dapat menumpang ilmu ini. Tetapi apakah kita dapat menumpang ilmu dukun dan bomoh kita yang dahulu dan yang sekarang? Tidakkah kita rugi apabila ilmu disembunyikan kerana penciptanya ingin mengawal untuk dirinya sendiri hasil yang boleh didapati daripada ilmu berkenaan? Namun kita tahu bahawa tidak ada dukun yang kaya-raja kerana ilmunya, tidak ada keturunan dukun atau bomoh yang berilmiah, dihormati dan berharta. Sebaliknya, walaupun ahli-ahli perubatan bangsa yang maju mendedahkan ilmu pengetahuan mereka, mereka tidak rugi kerananya. Dunia menghormati mereka dan nama mereka ditulis dengan tinta emas dan diingati selama-lamanya. Ramai yang dianugerah Hadiah Nobel. Sudah tentu mereka menjadi lebih kaya daripada bomoh dan dukun kita yang memiliki ramuan ubat yang mustajab.

27. Demikian bezanya budaya kita dengan budaya bangsa yang maju. Apakah mereka maju kerana budaya mereka ini ataupun kerana mereka maju maka mereka dapat mengamalkan budaya ini? Apakah dapat kita katakan bahawa budaya ini tidak mempengaruhi kemajuan yang mereka capai? Sama-samalah kita renungkan.

KITA BANGSA SEPARUH MAJU

28. Banyak lagi perbezaan budaya dan nilai hidup di antara mereka yang kurang maju dengan mereka yang maju. Kita adalah bangsa yang separuh maju dan memang ada budaya kita yang berbeza dengan bangsa yang kurang maju daripada kita. Kita lihat bagaimana mereka yang kurang maju ini sering berebut-rebut kuasa, mengamalkan rasuah secara terbuka, tidak suka hidup berperaturan dan berundang-undang, tidak berdisiplin, lebih malas daripada kita, tidak langsung cuba untuk menyerap sistem dan pendekatan yang lebih baik dan bermacam-macam lagi perbezaan. Sebab itu mereka kurang maju daripada kita. Dan kerap juga kita menyatakan sesuatu yang tidak baik berkenaan mereka, kenapa mereka tidak membuat itu dan ini seperti yang kita buat.

29. Yang kurang maju ini pun mungkin lebih maju daripada bangsa-bangsa yang primitif yang hidup lebih baik sedikit sahaja daripada makhluk Allah yang tidak berakal fikiran. Jika kita kaji perbezaan kecapaian bangsa-bangsa ini tidak dapat tidak kita akan lihat kaitan budaya dengan prestasi bangsa.

30. Kita boleh berbangga dengan taraf kemajuan kita setakat ini. Malangnya apabila kita mula mudah puas hati dengan sedikit yang ada pada kita, itu adalah alamat kita akan merosot prestasi kemajuan kita. Ini ialah kerana yang sudah maju tidak berdiam diri. Mereka terus maju dan akan meninggalkan kita yang tidak bergerak; semakin lama semakin jauh, sehingga kita dianggap oleh mereka sebagai bangsa yang primitif.

31. Dan bukan itu sahaja, mereka akan menindas kita, akan memperhambakan kita. Mungkin kita terima sahaja dihina dan diperhambakan. Apa salahnya? Tetapi kita ingin mendakwa kita `tuan'. Kita hendak orang menghormati kita. Kita hendak. Tetapi orang tidak akan memberi kepada kita hanya kerana kita hendak. Mereka hanya akan memberi kepada kita jika ada sesuatu kepada kita yang memaksa mereka menghormati kita, memaksa kita dipertuankan oleh mereka.

32. Kata pepatah Inggeris, "tidak perlu kita mencipta roda semula". Roda sudah diciptakan, tiru sahajalah. Yang perlu ialah roda hendaklah diperbaiki lagi supaya lebih laju. Perdu pokok yang bulat boleh dipotong untuk dibuat roda, tetapi roda ini berat, mudah pecah dan tidak laju. Jika lubang ditebuk di tengah kayu pipis yang bulat ini, ia menjadi lebih ringan, lebih laju tetapi mudah patah. Tetapi jika roda diikat dengan besi di sekeliling, roda akan menjadi lebih kuat dan tahan lasak. Dan jika roda dipasang pula dengan tayar getah tumpat, atau pasang tayar berangin, roda akan menjadi semakin efisien. Bagi budaya yang mengutamakan kemajuan sepanjang masa, kajian dibuat sepanjang masa untuk mencipta yang lebih baik.

33. Walaupun kita tidak perlu mencipta roda, tetapi kita harus tingkatkan kecanggihan roda yang kita guna. Demikian juga jika kita ingin maju, cara dan budaya untuk maju sudah ada. Tidak perlu kita mencipta cara dan budaya baru. Kita hanya perlu gugurkan yang dianggap kurang baik dan perbaiki lagi budaya tiruan yang boleh membawa kebaikan.

34. Bangsa Arab zaman jahiliah dahulu amatlah jahil. Mereka taksab dengan kabilah-kabilah mereka sehingga mereka tidak pernah berhenti berperang sesama mereka. Sebabnya mereka bermusuhan mungkin sudah mereka lupa, tetapi permusuhan dan peperangan diteruskan juga.

35. Budaya mereka kolot dan bengis. Mereka sering membunuh anak perempuan mereka. Mereka memandang perempuan sebagai makhluk yang hina, sebagai harta untuk ditukar dengan benda lain dan sebagai hamba keluarga.

ISLAM JADIKAN ARAB MAJU

36. Pendek kata orang Arab Jahiliah adalah bangsa yang amat mundur, yang tidak maju, yang tidak dihormati oleh sesiapa, yang tidak berpengetahuan, tidak berilmu, tidak boleh menulis dan membaca. Inilah budaya Arab Jahiliah.

37. Kemudian bangsa yang jahil ini menerima agama Islam yang bukan sahaja membawa kepercayaan kepada Tuhan yang satu iaitu Allah Subhanahu wa Ta'ala dan Rasulnya Muhammad, tetapi juga nilai-nilai hidup yang mulia. Mereka disatukan dalam Islam sehingga mereka bersaudara, mereka menghormati kaum perempuan, mereka mengutamakan keadilan, mereka menghargai dan menghormati Al-Quran dan kitab-kitab lain, mereka menganggap ilmu sebagai penting dan mereka mempelajari ilmu yang telah diterokai oleh orang Yunani dan bangsa-bangsa lain.

38. Budaya orang Arab berubah secara radikal selepas mereka memeluk agama Islam. Daripada orang yang jahil dan lemah yang hanya tahu hidup di padang pasir dalam keadaan yang primitif, bangsa ini dapat mendirikan sebuah empayar yang meliputi hampir seluruh dunia masa itu, iaitu sebelum Amerika ditemui.

39. Mereka bukan sahaja dapat menguasai ilmu sains, ilmu hisab, ilmu alam dan ilmu-ilmu lama yang lain yang dimiliki oleh orang Yunani dan Rumawi, tetapi mereka menerokai ilmu-ilmu baru seperti pelayaran, astronomi, aljebra dan logaritm. Mereka mencatat hasil kajian mereka sehingga ramai saintis dari Eropah datang mempelajari ilmu di madrasah-madrasah mereka.

40. Mereka maju dalam segala-galanya. Mereka dapat mengguna logam besi sehingga terkenal kualiti besi waja dari Damsyik, barangan kaca dan seramik, bangunan yang dihias dengan ukiran 'Arabesque' dan taman yang mempunyai air pancutan disalur dari gunung yang jauh. Orang padang pasir ini berjaya dalam bidang pertanian di negara-negara yang mereka takluki seperti Sepanyol. Pelayar-pelayar mereka belayar ke Timur hingga ke gugusan kepulauan Melayu dan ke Barat hingga ke Sepanyol. Peniaga-peniaga mereka berjaya di seluruh dunia. Alkaf, Alsagoff adalah nama-nama peniaga Arab yang kaya yang pada suatu ketika menguasai perniagaan entrepot di Singapura dan Jawa. Budaya yang diserap oleh Arab Jahiliah setelah menerima Islam jelas menjayakan mereka di dunia. Oleh itu tidaklah benar dakwaan bahawa agama Islam adalah untuk akhirat semata-mata.

41. Demikianlah kesan penerimaan agama Islam dan budaya Islam ke atas bangsa Arab yang kolot dan jahil. Daripada bangsa yang mundur dan hanya tahu berperang sesama sendiri mereka menjadi bangsa yang bersatupadu, yang jauh lebih maju daripada bangsa-bangsa Eropah di zaman itu.

ORANG ARAB/ISLAM KEMBALI MUNDUR

42. Hari ini bangsa Arab dianggap mundur, didapati jauh ketinggalan dalam semua bidang. Mereka dihina dan kerap dipermainkan oleh bangsa-bangsa Eropah yang pada suatu masa

dahulu menakluki semua negara Arab.

43. Kenapakah nasib ini menimpa mereka sedangkan mereka masih menganuti agama Islam? Apakah agama Islam dan budaya Islam sudah tidak sesuai dengan keadaan di zaman moden ini?

44. Jawabnya ialah walaupun orang Arab menganuti agama Islam, tetapi banyak daripada ajaran Islam yang sudah mereka tinggalkan. Umpamanya, sementara Islam menyuruh umat Islam bersatu sebagai saudara, orang Arab Islam bukan sahaja tidak bersaudara, tetapi mereka bermusuhan-musuhan dan berperang sesama sendiri. Mereka kembali ke budaya zaman jahiliah dengan bermusuhan-musuhan secara berkekalan, antara satu negara Arab Islam dengan negara Arab Islam yang lain. Wang dan senjata digunakan untuk berperang dan membunuh sesama orang Islam. Orang bukan Islam dijadikan rakan kongsi untuk berperang dengan orang Islam lain.

45. Kerapkali peperangan didorong oleh ketamakan, ingin mendapat kekayaan negara Islam yang lain atau kerana ideologi politik yang berbeza. Kadang-kala alasan yang diberikan ialah pihak lain kurang Islam, menyeleweng dan tidak lagi boleh dianggap sebagai saudara dalam Islam. Kumpulan-kumpulan kecil dalam masyarakat Islam yang kecewa kerana pendapat mereka tentang agama Islam tidak diterima oleh masyarakat mengganas dan membunuh orang Islam secara buta-tuli.

46. Ilmu yang dikatakan bukan berkenaan dengan Islam tidak lagi dituntut. Sudah tentu kajian dan penerokaan dalam bidang sains dan bidang-bidang lain tidak diberi perhatian oleh orang Islam Arab dan bukan Arab. Dengan itu orang Islam menjadi mundur, lemah dan bergantung kepada orang lain, termasuk yang bermusuhan dengan mereka, untuk hampir semua keperluan hidup dan pertahanan di zaman moden ini. Sementara mereka menolak ilmu yang dikatakan bukan Islam, mereka tidak segan-segan membeli dan mengguna hasil ilmu bukan Islam ini, termasuk senjata untuk membunuh orang Islam lain.

47. Yang diberi tumpuan dan dititikberatkan ialah perkara-perkara kecil yang tidak berkesan dalam memajukan umat Islam atau mempertahankan mereka. Walaupun agama Islam telah membebaskan wanita daripada budaya Arab Jahiliah, ketidakadilan kepada wanita sudah kembali, sehingga ada yang berkata semua masalah sosial adalah disebabkan oleh kaum wanita. Dengan itu percubaan dibuat untuk mengasingkan mereka supaya mereka tidak dapat menggoda lelaki. Tetapi lelaki tidak menjadi lebih baik kerana tindakan ini. Kita malu menyebutnya tetapi di negara kita jenayah tertentu yang disebabkan nafsu seks lebih kerap berlaku di kalangan orang Melayu yang Islam daripada orang bukan Melayu. Ajaran Islam tidak salah. Yang salah ialah kita yang lebih mengutamakan soal aurat daripada kesan menutup aurat terhadap moral kita. Seperti juga dengan kuda dan pedang yang tidak lagi berkesan untuk pertahanan, menutup aurat orang Islam sudah tidak lagi berkesan dalam menahan nafsu dalam masyarakat berbilang kaum. Ini kerana pada hari ini ramai orang Islam melawat negara-negara orang bukan Islam yang mempunyai budaya yang berlainan.

Media massa pula menjadikan larangan supaya menutup aurat ini tidak dapat dilaksanakan. Kaedah kita dalam menangani masalah adalah sama dengan mencuba melarang musuh menggunakan senjata moden kerana kita hendak menggunakan pedang dan kuda.

48. Oleh kerana sebab-sebab inilah maka orang Arab Islam yang dahulu maju sudah menjadi mundur. Umat Islam lain juga turut menjadi mundur. Empayar Islam yang didirikan oleh keturunan Arab Jahiliah yang memeluk agama Islam sudah tidak ada lagi. Yang ingin mengembalikan kegemilangan Islam dan umat Islam dengan cuba mengikuti tafsiran ajaran Islam di zaman keagungan Islam disekat. Yang lain hanya cuba menyedapkan hati dengan mendakwa kemajuan orang bukan Islam sebenarnya bukan kemajuan. Mereka juga cuba mendakwa secara langsung atau tidak langsung bahawa dunia ini bukan untuk orang Islam. Akhirat adalah tempat mereka, seolah-olah mereka sudah tahu mereka tidak berdosa sedangkan banyak ajaran Islam yang penting yang mereka abaikan.

MENEBUS MARUAH BANGSA DAN AGAMA

49. Kita orang Melayu beragama Islam. Lebih daripada Arab atau bangsa-bangsa lain yang beragama Islam, nasionalisme atau kebangsaan Melayu dikaitkan secara langsung dengan agama Islam. Seseorang itu tidak Melayu melainkan ia beragama Islam. Demikian pegangan kita kepada agama Islam. Jika Arab Jahiliah selepas menerima Islam boleh menjadi begitu maju dan kuat sehingga berjaya mendirikan Empayar Islam, tidakkah mungkin orang Melayu yang begitu kuat berpegang kepada Islam juga mencapai kemajuan dan kejayaan seperti Arab Jahiliah yang memeluk agama Islam? Tidakkah mungkin budaya orang Melayu berubah supaya sesuai dengan kemajuan dan kejayaan yang pada satu masa dahulu terdapat di kalangan orang Islam?

50. Kita orang Melayu tidak berniat untuk mendirikan sebuah empayar. Cita-cita kita sederhana sahaja. Kita ingin menjadi sama maju dengan bangsa-bangsa lain yang sudah maju. Dengan itu dapatlah kita menebus balik maruah bangsa kita, sedikit sebanyak maruah agama kita bahkan maruah orang Bumiputera di negara ini.

51. Selama lebih 50 tahun UMNO telah berjuang untuk menebus maruah orang Melayu. Perjuangan UMNO tidak boleh dipisahkan daripada perjuangan orang Islam, kerana nyata sekali apabila UMNO berjaya, apabila Malaysia berjaya, dunia mengiktiraf bahawa Islam berjaya. Walaupun terdapat ramai orang bukan Islam di Malaysia, ini tidak menidakkan bahawa Malaysia adalah negara yang dipimpin oleh orang Islam. Sebenarnya belum ada negara Islam yang dipimpin oleh orang Islam telah dianggap berjaya. Inikan pula negara kita di mana orang Islam yang merupakan puak majoriti perlu memimpin orang bukan Islam tanpa menjejaskan keIslaman negara dan menjayakannya. Namun tanpa menggunakan apa-apa kekerasan, UMNO telah berjaya.

52. Kita tidak melaungkan bahawa kita jaguh Islam. Tetapi nasionalisme Melayu dengan Islam tidak dapat dipisahkan. Apabila orang Melayu berjaya maka orang Islam berjaya kerana

orang Melayu semuanya Islam. Tidaklah perlu kita memekik-mekik, menepuk dada dan menjerit 'kami adalah pejuang Islam'.

53. Tetapi kita tentu tahu bahawa kita belum cukup berjaya. Untuk betul-betul menebus maruah bangsa dan agama, kemajuan kita hendaklah sekurang-kurangnya sama dengan kemajuan bangsa-bangsa yang dikatakan maju di dunia ini, bangsa-bangsa yang disegani, bahkan ditakuti oleh semua, termasuk oleh umat Islam dan negara-negara Islam. Jelaslah bahawa perjuangan kita belum lagi selesai dan tidak mungkin selesai dalam masa yang singkat kerana kita mengejar sasaran yang bergerak, sasaran yang tidak menunggu kita.

MEMBENTUK BUDAYA MAJU

54. Daripada apa yang telah saya sebutkan mengenai peranan budaya, berkenaan kejayaan bangsa-bangsa yang maju, berkenaan dengan kesan Islam ke atas Arab Jahiliah dan perkembangan-perkembangan dalam sejarah Islam di masa yang gemilang dan di masa yang mundur, jelaslah bahawa kita boleh mencapai kemajuan jika kita sanggup dan berusaha menukar dan membentuk budaya yang sesuai dengan kejayaan. Keupayaan kita tidak kurang daripada keupayaan orang yang sekarang ini maju. Bukan warna kulit atau iklim atau bangsa yang menentukan kecapaian. Sudah tentu bukan agama Islam yang menjadi penghalang kepada kemajuan. Yang menghalang kemajuan ialah budaya yang kita telah bentuk untuk kita, yang kita anggap sebagai secocok dengan Islam dan memberi identiti kepada kita orang Melayu; budaya inilah yang telah menghalang kemajuan kita ke tahap yang menjadi cita-cita kita.

55. Bukanlah budaya ini semuanya tidak sesuai. Jika ia 100 peratus tidak sesuai sudah tentu kita tidak sampai ke tahap sekarang. Tetapi untuk mengimbangkan bangsa kita dengan bangsa-bangsa yang maju di dunia dan supaya kita tidak lagi dihina dan ditindas oleh bangsa-bangsa lain, kita mesti secara sedar dan bijak membentuk budaya yang dapat menentukan kita akan mencapai matlamat untuk menjadi bangsa yang maju.

56. Dalam usaha ini, UMNO perlu menjadi peneroka dan pelopor. Jika UMNO tidak berani menunjukkan teladan yang baik, jika UMNO tidak sanggup menjadi contoh yang baik, percayalah bangsa kita akan menjadi mundur, ditinggal zaman, diketawakan orang dan dihina. Kita bukan angkuh tetapi sebenarnya tidak ada parti lain atau pertubuhan lain yang boleh dan berpeluang membentuk budaya baru bagi orang Melayu supaya mereka dapat menghadapi cabaran dunia moden, terutama di zaman teknologi maklumat yang tidak mengenal sempadan antara negara-negara.

UMNO BENTUK BUDAYA MELAYU BARU

57. Banyak yang sudah diusahakan oleh UMNO sehingga kini. Budaya orang Melayu di zaman ini tidak sama dengan budaya orang Melayu semasa Malaysia dijajah, bahkan tidak pun sama dengan budaya Melayu di waktu kita berjuang untuk kemerdekaan dan pada tahun-tahun awal kita merdeka. Sebahagian besar daripada budaya Melayu baru dibentuk secara sedar dan kerap

juga secara tidak sedar oleh UMNO dan perubahan iklim sosial, politik dan ekonomi negara yang dibawa oleh pemerintahan kepimpinan UMNO.

58. Umumnya perubahan budaya di kalangan Melayu baru telah menolong menjayakan mereka. Hari ini mereka tidak tercicir; tidak lagi terasing daripada arus ekonomi, mahupun politik dan sosial negara. Dalam bidang perniagaan dan perusahaan mereka memperlihatkan kebolehan yang tidakpun kita sangka ada pada mereka. Mereka berjaya menguasai ilmu dan kecekapan yang dahulu mereka sendiri percaya adalah milik orang lain. Mereka tidak lagi berasa rendah diri dan malu kerana kekayaan negara hampir seratus peratus adalah milik orang lain. Umumnya mereka sudah sedikit sebanyak berjaya menebus maruah bangsa mereka.

59. Tetapi mereka juga perlu akui bahawa bukan semua budaya baru ini baik. Terdapat banyak unsur yang tidak baik dalam budaya Melayu baru ini. Jika dahulu orang Melayu tidak terlibat dengan kegiatan-kegiatan buruk seperti penagihan dadah, hari ini majoriti daripada penagih dadah terdiri daripada anak muda Melayu. Demikian juga dengan penyakit AIDS, dengan jenayah-jenayah sosial seperti merogol, membuang anak, mendera anak dan isteri, menfitnah dan bermacam-macam lagi. Kita khuatir dengan wujudnya gejala-gejala ini, usaha membentuk budaya baru di kalangan orang Melayu mungkin tidak berjaya atau akan berjaya separuh sahaja, tidak cukup untuk kita menjayakan mereka sepenuhnya dan menjadikan mereka bangsa yang maju.

HAPUS AMALAN BUDAYA RASUAH

60. Sebab itulah kita begitu serius dengan masalah rasuah di dalam pentadbiran dan dalam parti serta masalah politik wang. Rasuah akan menyebabkan orang yang tamak, yang tidak bermaruah dan tidak layak, dipilih menjadi pemimpin parti dan Kerajaan. Orang seperti ini tetap akan menyalahgunakan kuasa untuk memperkayakan diri semasa memegang jawatan dan untuk menentukan ianya terus disokong. Rakyat akan disogok dengan duit Kerajaan yang sepatutnya diguna untuk pembangunan negara, untuk kesejahteraan rakyat dan kebahagiaan hidup kita semua.

61. Rasuah hanya akan menguntungkan orang tertentu sahaja, orang yang dapat menggunakan kuasa pemimpin untuk kepentingan diri. Tidak mungkin semua rakyat mendapat manfaat. Majoriti rakyat akan kecewa. Segala-galanya akan menjadi lebih mahal kerana elemen rasuah perlu dimasukkan. Jika tidak dibendung, rasuah akan berkembang dan menjadi amalan biasa oleh mereka yang memegang apa juga jawatan. Budak pejabat pun boleh memaksa ianya disogok untuk pelanggan mendapat sesuatu. Dan mereka yang di atas tidak akan melarang budak pejabat menerima rasuah kerana mereka juga ingin bahagian mereka. Dan seterusnya hingga ke Menteri dan Perdana Menteri. Orang atas ini yang menerima sogokan yang diketahui oleh semua pegawai dan kakitangan tidak mungkin melarang dan mendisiplinkan sesiapa di bawah mereka.

62. Segala kos urusan dengan Kerajaan akan naik kerana sogokan kepada semua peringkat -- pegawai, kakitangan dan Menteri. Kemudian bank pula akan terlibat dan kos modal dan segala pinjaman akan menjadi lebih daripada hanya kos faedah. Sogokan kepada pegawai-pegawai bank yang dikenali sebagai 'football money' amat berleluasa tidak berapa lama dahulu. Apabila sesuatu barang berkurangan dan sukar didapati, sogokan diperlukan untuk mendapatkannya walaupun daripada peniaga. Demikian juga dengan semua khidmat penting, baik dari Kerajaan atau swasta.

63. Pendek kata apabila rasuah menjadi sebahagian daripada budaya bangsa, kos segala-galanya daripada urusan Kerajaan kepada pengeluaran barangan atau khidmat dan harga jualan, akan naik. Segala kerja akan mengambil masa yang panjang. Tidak ada ketentuan dalam apa juga urusan baik daripada segi kos atau masa. 'Efficiency' tidak mungkin tercapai dan semua pembangunan akan tergendala. Dagangan dalam dan luar negeri akan menjadi sukar dan tidak kompetitif kerana kos tinggi dan khidmat tidak efisien. Akhirnya prestasi pembangunan negara akan merosot. Semua akan menjadi miskin walaupun memiliki pendapatan yang tinggi kerana segala-galanya mahal. Mereka yang terlibat dengan rasuah juga akan menerima akibatnya, kerana mereka akan hidup dalam negara yang mundur dan miskin dan mereka akan dipandang hina oleh rakyat dan bangsa-bangsa lain.

64. Rasuah bukan hanya satu sahaja daripada amalan budaya yang boleh menghancurkan kita. Terdapat banyak lagi amalan dan nilai yang buruk yang boleh menghancurkan kita. Dan kita mestilah hapuskan nilai-nilai buruk ini.

65. Tetapi kita tidak boleh pasif, hanya melindungi diri daripada yang negatif. Jika kita ingin maju kita perlu merancang dan melaksanakan strategi yang boleh memajukan kita.

66. Di sini kita perlu tentukan matlamat dan strategi kita. Apakah benar kita ingin menjadi bangsa yang maju atau apakah ianya tidak penting atau tidak perlu dikejar kerana kemajuan tidak memberi apa-apa kelebihan. Ramai juga yang berkata kita sepatutnya puas hati dengan apa yang ada pada kita. Bahkan ada yang mendakwa keadaan kita sudah ditakdirkan dan kita bersyukur sahajalah. Rezeki secupak tidak akan menjadi segantang. Kemiskinan di dunia akan dibalas dengan kekayaan di akhirat. Kehinaan di dunia akan dibalas dengan kemuliaan di akhirat.

67. Kita akan menyangkal dakwaan ini. Tetapi sikap kita yang tidak mahu berusaha bersungguh-sungguh, mudah puas hati, cepat membazir apabila kita berada sedikit, cepat beralih daripada mengejar kejayaan kepada mengejar keseronokan, kadang-kadang keseronokan yang ditegah, menunjukkan bahawa kita belum menerap nilai yang mulia yang mengutamakan maruah lebih daripada melayan nafsu. Kemewahan sedikit yang kita nikmati sudah pun meruntuh akhlak kita dan generasi muda kita. Mereka melepak, terlibat dengan bohsia, mengguna dadah dan sebagainya. Apakah kita yakin yang kemajuan yang telah kita

capai kini boleh diteruskan oleh mereka yang mewarisi kita?

KUASAI ILMU DAN KECEKAPAN

68. Jika kita betul-betul ingin maju kerana kemajuan di dunia sama penting dengan kebahagiaan di akhirat; jika kita ingin maju kerana kita menghargai maruah kita; jika kita ingin maju kerana kita ingin dipertuankan secara sebenar; maka hendaklah kita menentukan bahawa kita berkeupayaan dan mempunyai kedudukan untuk menjadi 'tuan'. Tidak ada gunanya kita mendakwa diri sebagai 'tuan' sedangkan kita dan bangsa kita mudah ditindas dan dihina.

69. Untuk menjadi 'tuan' kita perlu memiliki kelebihan-kelebihan tertentu. Kita perlu memiliki ilmu dan kecekapan tertentu. Kita tidak akan menguasai ilmu dan kecekapan jika kita tidak sanggup mengejanya melalui cara dan pendekatan yang betul.

70. Dari sejarah Islam kita tahu orang Islam dapat menguasai ilmu yang diterokai oleh ahli falsafah dan pendita Yunani. Oleh kerana orang Yunani tidak menulis dalam bahasa Arab, maka untuk mempelajari dan menguasai ilmu orang Yunani, orang Arab tentulah mempelajari bahasa Yunani.

71. Demikian juga dengan kita. Jika kita ingin menguasai ilmu dan kecekapan orang asing maka kita mesti bersedia mempelajari bahasa asing. Lebih tinggi penguasaan bahasa berkenaan, lebih mudahlah kita mempelajari ilmu yang diterokai dalam bahasa itu.

72. Pendapat bahawa kita hanya menjadi nasionalis jika kita faham hanya bahasa kita sahaja adalah salah. Sama ada kita sanggup mengakuinya atau tidak, hakikatnya ialah kebanyakan ilmu yang diperlukan untuk kemajuan tidak diterokai dan dibukukan oleh kita. Kita tidak pun terdaya untuk mengalih-bahasa ilmu-ilmu yang penting kerana untuk membuat terjemahan kita perlu orang yang pakar dalam tiga perkara -- pakar dalam bahasa sendiri, pakar dalam bahasa asing dan terpelajar dalam ilmu berkenaan. Kita tidak mempunyai orang ini. Jika ada pun, mereka sedang menjalankan tugas-tugas lain yang mana dalam keadaan kita sekarang, kita anggap tugas-tugas ini lebih penting.

73. Kita tidak boleh tunggu sehingga kita dapat mengadakan pakar-pakar ini dengan secukupnya. Ilmu dan kecanggihan teknologi tidak statik. Lebih daripada di masa-masa dahulu, ilmu dan teknologi baru dicipta dengan begitu cepat. Dalam zaman 'micro-chip' yang melipat-ganda kekuatannya setiap 18 bulan, teknologi akan berkembang dengan lebih pesat lagi. Tidak mungkin kita mengadakan pakar yang mencukupi untuk menguasai dan menterjemah kepada bahasa kita segala ilmu yang datang mencurah-curah hasil penyelidikan dan penerokaan orang lain. Jika kita tunggu, kita akan ketinggalan, kita akan menjadi mundur dan tidak faham tentang perkembangan ilmu dan teknologi yang sudah, sedang dan akan dicipta. Bangsa kita akan menjadi bangsa yang primitif, dipermain-mainkan, dihina

dan ditindas orang. Kita mungkin lebih nasionalis pada pendapat kita. Tetapi nasionalis yang menerima dirinya dihina bukanlah nasionalis.

NASIONALIS YANG SEBENAR

74. Nasionalis yang sebenar ialah mereka yang berusaha supaya bangsa mereka maju dan mampu bersaing dengan jayanya dengan orang yang maju. Nasionalis yang sebenar ialah orang yang dihormati kerana ia daripada bangsa yang berjaya, yang boleh mengalahkan orang lain dalam apa bidang sekalipun. Nasionalis yang sebenar ialah orang yang dapat menentukan melalui kecemerlangannya bangsanya dihormati dan disanjung tinggi.

75. Penguasaan bahasa lain tidak akan menjadikan kita kurang nasionalis atau kurang patriotik daripada nasionalis yang hanya menguasai bahasa sendiri. Jika kerana berjuang untuk menebus maruah bangsa, kita menguasai bahasa lain dan kita menguasai ilmu yang diterokai dalam bahasa itu, kita tidak akan menjadi kurang nasionalis dan kurang patriotik daripada nasionalis yang hanya boleh bertutur dalam bahasa sendiri dan tidak mempunyai ilmu yang boleh menyumbang kepada penebusan maruah bangsa. Sebenarnya mereka yang menguasai bahasa lain dan ilmu-ilmu tertentu jauh lebih nasionalis daripada mereka yang hanya mampu memekik-mekik kebangsaan mereka.

76. Dalam usaha kita menebus maruah bangsa, amatlah penting kita mengejar ilmu dalam apa juga bahasa. Jika kita perlu menyediakan masa yang cukup untuk maksud ini, maka hendaklah kita sanggup menyediakannya. Kerajinan, ketekunan dan kesabaran atau masa adalah perlu untuk menuntut sesuatu. Jika kita berbuat demikian, insya-Allah, kita akan berjaya, kita akan dapat membangunkan bangsa kita, kita akan menjadi 'tuan' yang sebenar, kalau itulah idaman kita.

77. Penguasaan ilmu perlu dibuat di masa kecil lagi. Kerajaan pimpinan UMNO sudah pun menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan untuk mempelajari ilmu dan bahasa-bahasa ilmuan. Tetapi ramai ibubapa mempunyai pandangan lain. Mereka tidak berminat melihat anak mereka belajar ilmu yang penting untuk memajukan bangsa dan negara. Sebaliknya mereka ingin supaya anak mereka kononnya menghayati semangat kebangsaan Melayu. Mereka tidak memberi galakan kepada anak mereka untuk mengejar bahasa Inggeris umpamanya secara serius. Mereka juga tidak memberi perhatian kepada usaha dan prestasi anak mereka dalam sekolah. Demikianlah ramai pelajar dan penuntut sekolah daripada kaum kita yang berkeliaran di pusat-pusat membeli-belah semasa balik dari sekolah dan kadang-kadang di masa sekolah.

78. Ramai ibubapa yang ingin anak mereka menjadi alim dalam bidang agama sahaja. Dengan itu sebahagian daripada kanak-kanak yang berbakat tidak dapat mempelajari ilmu lain yang mereka berupaya menguasai dengan baik. Apabila lulus kemudian dalam pelajaran agama mereka dapati mereka tidak mempunyai banyak peluang untuk bekerja dalam bidang yang berpendapatan tinggi. Dengan itu, mereka berasa kecewa, berasa masyarakat

tidak adil kepada mereka. Dan mereka marah kepada masyarakat terutama orang lain yang belajar dalam bidang lain yang hidup lebih baik daripada mereka. Dan mereka marah kepada Kerajaan yang mereka cap sebagai sekular. Di air yang keruh inilah ramai yang akan menangguk.

ILMU LAIN JUGA PENTING

79. Kita bukan tidak memberi perhatian kepada pelajaran agama. Sebenarnya kemudahan untuk belajar agama lebih baik sekarang dari zaman dahulu. Sesiapa yang ingin belajar agama dapat mempelajarinya hingga ke peringkat tertinggi sekali. Tetapi apakah akan jadi kepada masyarakat Islam jika ilmu yang ada kepada mereka terhad hanya kepada yang berkaitan dengan agama, usuluddin dan feqah sahaja? Tidak ada doktor perubatan, jurutera, panglima tentera, ahli perniagaan dan perusahaan, petani dan orang lain yang penting untuk kesejahteraan masyarakat di kalangan mereka. Tentulah masyarakat yang terhad kepada orang agama sahaja akan menjadi kaku dan lemah. Mereka boleh berdoa meminta segala-galanya dari Tuhan tetapi Allah Subhanahu wa Ta'ala telah berfirman dalam Al-Quran bahawa Allah tidak akan mengubah nasib kita jika kita tidak berusaha mengubahnya sendiri. Jelaslah bahawa doa semata-mata tidak akan menjadi kita berjaya dan bahagia.

80. Memang tidak benar semua orang Melayu menghantar anak mereka untuk belajar agama sahaja. Ramai juga yang belajar bidang lain. Tetapi kita perlu kepada lebih ramai yang terpelajar dalam bidang-bidang ilmu yang boleh menolong kita berjaya dalam saingan dengan orang lain. Hanya jika kita mempunyai mereka ini dengan cukup untuk menyelamatkan kita, baharulah boleh kita katakan kita telah menunaikan fardu kifayah. Jika tidak mencukupi, berdosa kita.

81. Pertahanan ummah adalah perkara yang diwajibkan bagi kita orang Islam. Mereka yang terlibat dengan pertahanan sebenarnya menolong masyarakat menunaikan fardu kifayah, iaitu mereka membuat ibadat. Kerana mereka, masyarakat Islam akan terselamat. Dan kerana mereka masyarakat Islam terlepas daripada membuat dosa. Mereka yang sengaja tidak berusaha supaya fardu kifayah yang amat berat ini dapat ditunaikan tentu berdosa. Mereka yang hanya ingin melihat anak mereka pakar dalam bidang agama sahaja dan mengabaikan keselamatan dan kesejahteraan ummah sudah tentu tidak mengikuti ajaran Islam.

82. Untuk menjayakan pertahanan kita bukan lagi perlu mengadakan kuda dan pedang sahaja. Kita perlu senjata yang canggih. Kita tidak boleh bergantung kepada bekalan daripada orang lain yang mempunyai kepentingan lain. Untuk mencipta dan mengeluarkan senjata dan kelengkapan pertahanan kita perlu bermacam-macam ilmu yang tidak khusus berkenaan dengan agama. Justeru itu, lebih ramai anak kita perlu didorong untuk menguasai ilmu-ilmu ini sebagai menunaikan kehendak agama, sebagai satu ibadat.

83. Komen berkenaan dengan pelajaran agama amat sensitif.

Jika sesiapa berkata bahawa orang Islam harus belajar ilmu lain daripada agama maka ia akan dikecam kerana dianggap kurang Islam. Ibumama yang menghantar anak untuk belajar agama dianggap sebagai orang yang mematuhi kehendak agama Islam. Sebenarnya mereka yang mengutamakan keselamatan dan pertahanan Islam dan umat Islam dan dengan itu menyuruh anak mereka mempelajari ilmu-ilmu tertentu, tidak kurang Islam, bahkan beribadat kerana menolong menunaikan fardu kifayah. Demikian juga tidak kurang pegangan agama Islam parti politik dan Kerajaan yang mendesak supaya lebih ramai anak orang Islam mempelajari ilmu yang boleh menyelamatkan dan mengukuhkan masyarakat dan agama Islam. Kerana banyak Kerajaan negara Islam mengabaikan keperluan inilah yang hari ini negara Islam ditindas dan agama Islam dihina. Apakah orang yang menyebabkan negara Islam ditindas dan agama Islam dihina lebih baik daripada orang yang memelihara maruah Islam dan umat Islam?

KUASAI BIDANG TEKNOLOGI MAKLUMAT

84. UMNO sebagai sebuah parti politik tidak harus gentar dengan tuduhan bahawa kita tidak mengutamakan Islam. Apabila kita merancang Koridor Raya Multimedia, kita sebenarnya berusaha untuk menyelamatkan umat Islam dalam zaman yang mencabar sekarang dan akan datang. Tanpa pengetahuan dalam bidang teknologi maklumat dan cara-cara menggunakannya untuk menguatkan umat Islam dan pegangan mereka kepada agama Islam, kita bukan sahaja akan tertinggal di belakang tetapi akan terdedah kepada serangan ke atas cara hidup, agama dan budaya kita. Sebenarnya teknologi CD-Rom sudah pun memudahkan kita untuk mempelajari ajaran agama Islam dan untuk mengembangkan ajaran-ajaran ini. Adalah lebih mudah mendengar bacaan Al-Quran dan mendapat tafsiran yang tepat melalui komputer daripada hanya membaca Al-Quran. Amatlah merugikan kita jika kita membaca Al-Quran sebagai satu ibadat tetapi tidak ingin mengetahui isi kandungannya.

85. Memang benar ada kemungkinan projek MSC kita disalahguna atau menimbulkan perkara-perkara yang tidak diinginkan kepada kita. Tetapi jika kita tidak tahu tentang teknologi dan pengurusan multimedia, kita lebih mungkin tidak akan dapat mengawal gejala buruk yang akan berlaku kepada kita dan kita tidak akan boleh menggunakan teknologi ini untuk kebaikan kita.

86. Kita tentu tahu bahawa jika kita tidak dapat menguasai cara dan teknologi televisyen, umpamanya, kita akan terdedah kepada propaganda dan budaya asing semata-mata. Tetapi kerana kita tahu bagaimana mengurus dan mengguna televisyen, maka kita dapat mengurangkan kesan buruk daripada propaganda asing dan menggunakannya untuk kepentingan kita.

87. Demikian juga dengan teknologi maklumat dan multimedia. Jika kita tidak menguasai teknologi ini maka tidak dapat tidak kita akan diserang oleh segala maklumat yang tidak berguna, bahkan boleh meruntuh dan merosakkan akhlak dan budaya kita. Koridor Raya Multimedia adalah projek untuk membolehkan kita

menguasai teknologi yang terkini dan menggunakannya untuk kebaikan kita.

88. Memang mudah untuk mencela Koridor Raya Multimedia dengan mendakwa Serambi Mekah adalah lebih baik. Tetapi dakwaan untuk menjadikan negeri Kelantan sebagai Serambi Mekah adalah sesuatu yang sudah lama dibuat. Apa yang kita lihat ialah insiden penyalahgunaan dadah, penyakit AIDS dan khalwat berlaku lebih di Kelantan daripada negeri-negeri lain. Dakwaan untuk menjadikan Kelantan di bawah parti tertentu sebagai Serambi Mekah hanyalah propaganda politik yang memperalatkan pegangan kuat orang Melayu kepada agama Islam untuk kepentingan politik orang yang sanggup melihat orang Islam menjadi mundur dan menderita asalkan mereka dapat menikmati jawatan yang tinggi.

FATWA DALAM ISLAM

89. Baru-baru ini berbagai-bagai fatwa berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan amalan kehidupan orang Islam di Malaysia telah dibuat. Dalam undang-undang Islam di Wilayah Persekutuan, Mufti boleh membuat fatwa yang kemudian disahkan oleh majlis fatwa yang dipengerusikan oleh mufti yang sama. Apabila disah dan diisytiharkan atau digezetkan maka fatwa itu menjadi undang-undang.

90. Tetapi undang-undang yang sama juga memperuntukkan bahawa mufti boleh membatalkan fatwanya dan mana-mana fatwa yang telah dikeluarkan sebelum ini oleh dirinya atau mufti lain. Peruntukan ini tentulah kerana kemungkinan ada fatwa yang salah atau tidak sesuai yang perlu dibatalkan. Dengan perkataan lain undang-undang akui kemungkinan ada fatwa yang dikeluarkan yang salah. Kuasa mufti dalam soal membuat dan membatalkan fatwa amatlah besar.

91. Mufti adalah jawatan yang diwujudkan oleh pemerintahan negara-negara Islam selepas Nabi wafat untuk membantu membuat keputusan berkenaan dengan soal-soal agama. Jawatan mufti diperlukan kerana keghairahan mereka yang mendakwa diri sebagai ulama untuk membuat fatwa dan tafsiran sendirian yang kerap bertentangan antara satu dengan lain yang mengelirukan umat Islam. Dengan adanya mufti maka hanya Jabatan Mufti sahaja yang boleh membuat dan membatalkan fatwa. Dengan cara ini tidak akan ada fatwa yang bercanggah antara satu sama lain berkenaan perkara yang sama.

92. Sepanjang sejarah Islam banyak fatwa yang diterima-pakai yang kemudiannya dibatal atau diketepikan. Demikian larangan mengukir rupabentuk manusia atau binatang oleh agama Islam. Sebabnya ialah kerana di zaman dahulu orang Arab dan penganut agama-agama lain suka menyembah berhala yang mereka ukir menyerupai manusia atau binatang. Ada juga yang mengukir dan melukis rupa tuhan mereka dan kemudian menyembah ukiran dan gambar-gambar ini.

93. Untuk mengelak Allah disekutukan dengan objek yang lain atau dengan percubaan membuat imej Allah yang kemudian

disembah, agama Islam melarang ukiran dan lukisan rupabentuk manusia atau binatang. Sehingga ke zaman terakhir empayar Islam Turki, larangan ini dikuatkuasakan.

94. Tetapi di zaman ini larangan terhadap ukiran dan lukisan manusia dan binatang tidak lagi dapat dikuatkuasakan di seluruh dunia Islam kerana adanya kamera dan televisyen. Gambar tokoh-tokoh Islam dan alim ulama terdapat di mana-mana sahaja.

95. Apakah dengan ini umat Islam sudah tidak lagi menurut hukum Islam berkenaan ukiran dan lukisan rupa manusia dan binatang? Dalam hal ini kita perlu merujuk semula kepada sebab larangan tersebut dibuat. Sebabnya ialah bagi menghalang Arab Jahiliah yang memeluk agama Islam kembali menyembah berhala, gambar lukisan, dan sebagainya seperti yang mereka lakukan dahulu.

96. Jika kita membuat patung atau gambar dan kita menyembahnya maka sudah tentu kita melanggar ajaran Islam. Tetapi kita bukan Arab Jahiliah yang baru memeluk agama Islam. Kita tahu membeza antara Tuhan yang kita sembah, iaitu Allah Subhanahu wa Ta'ala, dengan ukiran atau gambar yang tidak kita samakan dengan Tuhan dan tidak kita sembah. Kita juga tidak melanggar larangan terhadap ukiran atau lukisan gambar Tuhan atau Nabi. Dengan itu, kita tidak melanggar maksud dan tujuan larangan terhadap ukiran dan lukisan gambar manusia dan binatang. Kita tidak menyembah mana-mana ukiran atau lukisan sebagai Tuhan atau sebagai simbol Tuhan kita.

KERANA SALAH KEUTAMAAN UMAT ISLAM LEMAH

97. Namun demikian ramai orang Islam menganggap tujuan atau maksud sesuatu hukum dalam Islam tidak penting. Yang penting ialah cara atau pendekatannya sahaja. Dengan kerana kita mengutamakan cara maka maksud dan tujuan ajaran Islam kerap kali tidak tercapai.

98. Agama Islam bukan agama ibadat `ritual' yang perlu dilakukan tanpa mengambilkira tujuan sesuatu itu dikehendaki dilakukan. Segala-gala yang disuruh oleh agama Islam mempunyai kaitan dengan kesejahteraan hidup umat Islam. Sebab itu apabila sahaja orang Arab Jahiliah memeluk agama Islam mereka mencapai kemajuan yang luar biasa.

99. Tetapi semakin lama semakin kuat keutamaan diberikan kepada ibadat berbentuk `ritual' dan apa yang dikaitkan dengan rupabentuk Islam. Pakaian Arab yang pada zaman Nabi dan beberapa abad selepasnya dipakai oleh semua orang Arab, sama ada Islam atau Kristian, dijadikan simbol Islam. Dengan itu orang Islam memakai pakaian ini tetapi mereka sering berperang sesama sendiri tanpa menghirau tuntutan Islam yang lebih berat supaya orang Islam bersaudara.

100. Dalam soal keselamatan, umat Islam disuruh menyediakan kuda dan pedang untuk menakutkan musuh. Di zaman ini kuda dan pedang tidak akan menakutkan sesiapa. Jika kita pegang kepada

arahan mengadakan kuda dan pedang, maka hari ini kita tidak akan dapat membuat apa-apa kerana musuh tidak takut kepada kuda dan pedang. Tetapi jikalau kita tumpukan kepada tujuan yang terkandung dalam ayat Al-Quran supaya kita menakutkan musuh, maka kita tentulah akan menyediakan pasukan perang yang lengkap dengan senjata-senjata yang canggih yang boleh menakutkan musuh.

101. Demikian juga dengan menutup aurat. Tujuan menutup aurat ialah kerana di zaman Nabi, Arab Jahiliah mempunyai nafsu yang kuat sehingga sering menculik dan merogol wanita daripada kabilah-kabilah lain. Akibatnya ialah peperangan antara mereka yang tidak pernah tamat.

102. Tetapi di zaman ini di Malaysia kita amat keras berkenaan dengan menutup aurat. Hukuman keras disediakan terhadap mereka yang melanggar larangan ini. Bahawa orang yang menutup aurat ini membuang bayi, mendera dan membunuh anak, merogol dan melakukan berbagai-bagai jenayah seks tidak kita kaitkan dengan tujuan menutup aurat. Seperti juga dengan penyediaan kuda dan pedang tidak menakutkan musuh, dan ukiran dan lukisan rupabentuk binatang dan manusia tidak disembah sebagai berhala, menutup aurat sudah hilang kesannya. Ini bukan bermakna Al-Quran salah. Yang salah ialah kita kerana kita mengutamakan penutupan aurat dan bukan pencegahan jenayah nafsu dan seks yang merupakan tujuan utama ajaran Islam. Seperti juga dengan gambar dan ukiran yang tidak lagi dapat kita cegah, pendedahan aurat dapat dilihat oleh semua orang Islam di zaman ini. Tekanan yang penting ialah pendidikan moral Islam dan bukan menunjuk perbezaan rupa antara orang Islam dan orang bukan Islam kerana ini tidak mencegah jenayah seks yang begitu berleluasa dalam masyarakat orang Islam.

103. Kerana tekanan yang salah, kerana keutamaan kepada cara dan tidak kepada tujuan maka hari ini orang Islam bersengketa sesama sendiri, berpecah-belah dan lemah. Musuh sebenar tidak dipedulikan. Kawan dan saudara seagama dikecam dan dijadikan musuh kerana dianggap kurang Islam. Di seluruh dunia Islam, inilah yang sedang berlaku. Asalkan sesuatu itu didakwa sebagai kehendak Islam, perbuatan lain yang terang-terang tidak Islam dihalalkan. Demikian fitnah dan tuduhan bermacam-macam dibuat sehinggalah pembunuhan orang Islam lain juga dihalalkan kerana mengejar apa yang didakwa sebagai tuntutan Islam.

104. Menutup rambut di kepala mempunyai tujuan yang sama dengan menutup aurat, iaitu untuk mengelak daripada berlakunya jenayah seks. Tidak siapa yang melarang amalan ini tetapi ramai yang ingin memaksa lebih daripada yang disuruh sehingga anak kecil dan orang amat tua juga mesti menutup kepala mereka. Dan jangan kita lupa orang yang menutup kepala juga melakukan jenayah seks tidak kurang daripada yang tidak menutup kepala. Sebabnya ialah kerana kita mengutamakan menutup kepala dan bukan pencegahan jenayah. Asalkan kita menutup kepala sempurna lah amalan kita.

105. Sementara itu ajaran Islam tentang persaudaraan antara

orang Islam, tentang tidak memalukan dan mengecewa orang lain, tentang pertahanan ummah, tentang keadilan, tentang mengelak huru-hara dalam masyarakat, tentang kebahagiaan dan kesejahteraan hidup umat Islam diabaikan. Dengan itu orang Islam menjadi lemah, tidak berpengetahuan, dipermain dan dihina oleh musuh-musuh Islam. Semua ini bukan kerana ajaran Islam itu salah tetapi kerana tekanan kita tertumpu kepada separuh sahaja daripada ajaran Islam iaitu kepada cara dan bukan kepada maksud dan tujuan ajaran Islam.

106. Saya sedar apa yang saya katakan ini tidak akan disenangi oleh ramai orang, termasuk ahli-ahli UMNO. Tetapi kita menghadapi masalah peningkatan sikap tidak toleran terhadap sesiapa yang tidak mengutamakan rupabentuk yang dikatakan Islam ini sehingga yang sunat diwajibkan dan yang wajib ditingkat dan diperketatkan lagi, dengan dakwaan bahawa sesiapa tidak melakukannya maka orang itu tidak Islam dan murtad. Di beberapa negara Islam lain, puak fanatik sanggup membunuh orang seagama mereka kerana ingin merebut kuasa untuk melaksanakan pendapat mereka. Di Malaysia golongan seperti ini sudah sampai ke peringkat menfitnah dan menidakkan keIslaman orang lain. Jika dibiarkan, kita juga akan menjadi seperti negara Islam tertentu yang sudah lemah dan ditindas oleh kuasa asing. Kita perlu mempertahankan ajaran Islam yang sebenar sebelum malapetaka menimpa kita.

MALAYSIA NEGARA ISLAM CONTOH

107. Malaysia dianggap oleh negara-negara Islam lain sebagai negara contoh. Ini bukan dakwaan kita. Dalam akhbar-akhbar di negara Islam, dalam ucapan-ucapan oleh pemimpin-pemimpin mereka dan dalam cakapan-cakapan mereka kepada kita dan kepada orang lain, mereka bukan sahaja menyatakan Malaysia adalah contoh bagi negara Islam lain, tetapi mereka amat berbangga dan kagum dengan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang maju. Dan mereka bertanya akan formula kejayaan sebuah negara Islam yang mempunyai ramai penduduk bukan Islam.

108. Sebabnya Malaysia dikagumi dan membanggakan mereka bukanlah kerana kita mempamerkan jenis Islam yang ekstrim atau rupabentuk Islam, tetapi kerana kita mengamalkan kesederhanaan dalam Islam. Orang Islam Malaysia berjaya menangani masalah memerintah penduduk berbagai-bagai kaum dan agama. Mereka, orang Islam lain ini, percaya cara kita melaksanakan hukum-hukum Islam amatlah baik kerana jelas sekali bahawa ia membawa keamanan dan kemajuan kepada negara kita yang mereka akui dan anggap sebagai negara Islam seperti yang kita maktubkan secara rasmi.

109. Mereka sebenarnya amat kecewa dengan tindakan dan pendapat puak-puak di kalangan mereka yang terlalu ekstrim sehingga mengganas atas nama Islam dan menitikberatkan soal-soal remeh dalam masyarakat mereka. Mereka ingin melihat dasar-dasar dan amalan-amalan keIslaman seperti yang didapati di Malaysia diamalkan oleh rakyat mereka. Pemimpin-pemimpin Kerajaan mereka juga ingin demikian.

110. Jika mereka yang memimpin dan menduduki negara-negara Islam ini kagum dengan cara-cara kesederhanaan Islam kita, kenapakah kita pula ingin kepada cara-cara yang ekstrim yang menyebabkan banyak negara Islam lain menghadapi masalah dan tidak dapat dibangunkan? Kenapakah ada antara kita yang lebih suka kepada simbol-simbol Islam seperti pakaian dan janggut dan tidak memberi tumpuan kepada perkara-perkara yang lebih berat bagi orang Islam seperti persaudaraan dan pertahanan? Apakah mereka ini suka kita berpecah-belah dan menjadi lemah hingga ditindas oleh orang lain yang mempunyai kepentingan sendiri yang suka supaya kita terus lemah?

111. Siapakah yang sebenarnya yang memperjuangkan Islam? Mereka yang mengutamakan apa yang mereka anggap sebagai simbol-simbol Islam atau pihak Kerajaan dan UMNO yang mengutamakan pertahanan dan kesejahteraan umat Islam di negara ini dan sedikit sebanyak di negara-negara lain juga.

PEMIMPIN BERTANGGUNGJAWAB MEMANDU UMAT ISLAM

112. Saya telah mengambil masa yang agak panjang untuk membincang perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam dan amalannya di negara ini. Dalam hal ini, akan ada mereka yang berpendapat bahawa sebagai orang yang tidak mempelajari agama secara khusus dan tidak tahu bahasa Arab, saya tidak berhak bercakap berkenaan agama Islam.

113. Saya ingin tegaskan bahawa perpecahan di kalangan umat Islam kepada berbagai-bagai mazhab dan kumpulan-kumpulan dengan berbagai-bagai amalan dan fahaman agama, sedangkan agama Islam hanya satu sahaja, adalah disebabkan oleh tafsiran dan ajaran oleh orang yang mengkhusus dalam bidang agama dan faham bahasa Arab. Pengetahuan agama dan bahasa Arab tidak menjamin bahawa tafsiran dan ajaran mereka tepat, benar dan tidak berbeza. Sebenarnya kerana kepentingan tertentu ada di kalangan mereka yang kerap menyalahafsirkan ajaran Islam.

114. Saidina Abu Bakar, Khalifah pertama bagi umat Islam, pun sanggup ditegur jika ia melakukan apa-apa kesalahan. Tetapi ada orang yang mempunyai sedikit pengetahuan agama dan bahasa Arab mendakwa mereka tidak boleh ditegur. Apakah mereka lebih besar daripada Saidina Abu Bakar? Bolehkah mereka dengan sewenang-wenangnya menuduh orang itu dan orang ini kafir, murtad dan firaun? Apakah orang yang dikecam oleh mereka tidak berhak mempertahankan diri?

115. Pemimpin dalam masyarakat Islam bukan sahaja berhak tetapi bertanggungjawab untuk memandu umat Islam. Jika pemimpin mendapati ada ajaran yang salah atau yang membelakangkan perkara-perkara yang penting kepada umat Islam, pemimpin Islam bukan sahaja harus tegur tetapi wajib tegur. Umat Islam hari ini ditindas dan dihina kerana pemimpin-pemimpin negara Islam tidak menegur ajaran-ajaran dan amalan-amalan Islam yang mudah melemah dan memecahbelahkan orang Islam. Hingga kini umat Islam di Malaysia tidak diserang oleh penyakit yang menimpa banyak negara Islam lain. Kita selama ini tidak ada kumpulan ekstrimis yang menyerang dan

menyembelih orang Islam lain kerana tidak menerima ajaran mereka. Tetapi sudah nampak mereka yang berminat dengan cara ekstrimis ini, yang mahukan masyarakat Islam kita mengutamakan mengelak dosa kecil tetapi melakukan dosa besar. Aliran ini mesti dibendung dan UMNO sebagai parti pemerintah yang bertanggungjawab mestilah berani melawan aliran yang tidak sihat ini.

116. Sudah 40 tahun UMNO menerajui Kerajaan yang memerintah negara berbilang kaum dan agama ini. Sepanjang sejarah Malaysia yang merdeka ini, kita telah melihat bagaimana negara kita yang mundur dan lemah yang terlepas daripada belenggu penjajah mara dan maju ke hadapan sehingga menjadi sebuah negara yang dicontohi oleh negara-negara membangun yang lain.

117. Walaupun penduduk Malaysia terdiri daripada berbagai-bagai kaum yang berbeza daripada segi anutan agama, bahasa dan budaya, Kerajaan pimpinan UMNO dapat mengawal keamanan dan mengurangkan sikap perkauman.

118. Orang Melayu dan Bumiputera lain yang lemah daripada segi ekonomi telah dapat diserapkan ke dalam masyarakat perdagangan dan perusahaan sehingga perbezaan tidak lagi ketara antara mereka dengan kaum-kaum lain daripada segi kecekapan dan pemilikan punca-punca kekayaan.

119. Walaupun dari awal lagi percubaan dibuat untuk memecahbelahkan orang Melayu melalui politik agama, tetapi percubaan ini gagal. Majoriti orang Melayu bersikap sederhana seperti yang dikehendaki oleh agama Islam, bukan bersikap keterlaluan seperti yang dikutuk oleh Islam.

120. Oleh kerana semua ini, Malaysia menjadi kaya dan kuat dan mampu menolong orang lain yang tertindas atau dianiaya, termasuk orang Islam Bosnia, Palestin, Somalia dan lain-lain. Kita tidak mengalami masalah rusuhan puak ekstrimis seperti yang terdapat di banyak negara membangun yang lain, termasuk sebilangan yang tidak kecil negara-negara Islam.

TANGGUNGJAWAB UMNO LEBIH BESAR

121. Oleh kerana ini kita dapat merancang untuk memajukan lagi negara kita supaya ia dapat menjadi negara maju menjelang 2020. Sama ada kita akan mencapai matlamat ini bergantung kepada banyak faktor. Dari luar negeri terdapat banyak musuh yang ingin menakluk kita semula secara tidak langsung. Mereka ini dibantu, secara sedar atau tidak sedar, oleh puak yang mirip kepada cara-cara ekstrimis dan tidak toleran dari dalam negara kita, termasuk kumpulan orang Islam yang tidak senang hati kerana kita tidak mempamerkan cara-cara yang pada mereka adalah cara Islam -- iaitu merusuh, mengecam dan sering mendakwa orang Islam lain sebagai tidak Islam.

122. Kita, UMNO, perlu tangani segala ancaman ini demi kebebasan negara kita, demi keamanan negara kita, demi kesejahteraan dan keselamatan orang Islam dan kaum-kaum lain di negara kita. Percayalah jika kita benarkan puak ekstrimis

bermaharajalela, kita akan menjadi seperti beberapa negara Islam lain yang hari ini menghadapi huru-hara, rusuhan, lemah dan ditindas oleh kuasa-kuasa besar.

123. Tanggungjawab UMNO besar. Cabaran-cabaran yang telah kita hadapi dan kita atasi dahulu adalah kecil berbanding dengan cabaran masa depan. Jika kita tidak berani, jika kita kurang percaya akan kebenaran dan kemuliaan perjuangan kita, jika kita asyik dengan kemewahan dan kebendaan, jika kita terlibat dengan rasuah, jika kita benarkan orang yang memperalatkan agama bertindak liar, maka 51 tahun perjuangan kita untuk agama dan bangsa akan menjadi sia-sia sahaja.